

Almarhum Sultan Ibrahim

Pembina Negeri Johor Darul Takzim

Dengan kehilangan Yang Maha Mulia Almarhum Sultan

Ibrahim ibn al-Sultan Abu Bakar, Sultan Yang Dipertuan

bagi negeri Johor dan jajahan takluknya, maka

bukan sahaja kerabat diraja dan rakyat negeri Johor

Darul Takzim tetapi juga Semenanjung Tanah Melayu

telah kehilangan seorang raja yang mempunyai sejarah

yang indah dan penuh dengan segala kebesaran dan

kemuliaan.

Almarhum telah mangkat pada saat yang sangat-sangat

berbahagia, hari Jumaat, 30 Shawāl 1378 (8 Mei

1959), di hotel Grosvenor House – hotel

persemayaman baginda di bandar London, dalam usia 86

tahun.

Jenazah baginda akan dibawa balik ke negeri

Johor dan akan dimakamkan dengan segala kehormatan

di Perkuburan Mahmudiah Johor Bahru.



(oleh: Abdullah Basmeh)

Baginda Almarhum Sultan Ibrahim diputerakan oleh

bondanya Encik Besar Zubaidah, pada pukul 5 subuh

hari Rabu, 25 Rejab 1290 (17 September 1873),

di Istana Bidadari Serangoon, Singapura.

Tidak berapa antaranya, Paduka Bondanya pun

berpindah bersama-sama baginda ke Johor yang pada masa itu

telah terbuka dan menjadi ramai. Apakala baginda telah

cerdik, lalu diserahkan bersekolah.

Ketika baginda sedang muda remaja telah dititahkan oleh Seri Paduka Ayahandanya menjadi askar dalam pasukan “Timbalan Setia Negeri Johor”. Kerana cekapnya baginda telah diangkat menjadi *Second Lieutenant* dan diperkenankan oleh Ayahandanya menjadi adikong¹ kepadanya.

Pada 11 Jun 1890, Almarhum Sultan Ibrahim telah berangkat ke Eropah bagi pertama kali semasa Ayahanda baginda – Sultan Abu Bakar – sedang bersemayam di sana. Setelah melawat negeri-negeri Switzerland, Perancis, Jerman dan England maka baginda pun berangkat balik ke Johor. Setahun sesudah itu (pada 23 Mei 1891) baginda telah dilantik menjadi “Tengku Mahkota Johor” dan dikurniakan darjah kerabat yang pertama.

Dalam tahun 1892 baginda telah berkahwin dengan Yang Mulia Engku Maimunah binti Abdul Majid (sepupu baginda) yang kemudian bergelar Tengku Ampuan Johor.



Baginda Almarhum Sultan Ibrahim ketika masih muda.

Baginda kelihatan kuat sasa dan gagah perkasa.


Tepat pada saat yang berbahagia, 17 Rabi’ al-Awwal 1312 (28 Oktober 1894) baginda dianugerahkan Allah

‘azza wa jalla seorang putera yang akan mewarisi takhta kerajaan Johor, lalu diberi nama Tengku Ismail.

Putera yang kedua pula ialah Tengku Abu Bakar, bergelar Aris Bendahara Johor (bondanya Sultanah Ruqaiya – Rogayah), putera yang ketiga ialah Tengku Ahmad bergelar Tengku Temenggung Johor (bondanya Encik Dara binti Jaafar Dato’ Menteri Besar Johor), dan seorang puteri iaitu Tengku Mariam (bondanya Sutanah² Marcella Ibrahim).

Pada 11 Dhū al-Hijjah 1312 (5 Jun 1895)

Ayahanda baginda Sultan Abu Bakar telah mangkat “dengan aman dan iman, di Bailey’s Hotel, London, dihadap oleh pengiring-pengiringnya”. Dengan perantaraan wakil kerajaan Turki di London, disempurnakanlah setengah daripada fardu kifayah



Istana Besar Johor. Di sinilah jenazah Almarhum Sultan Ibrahim akan dipersemayamkan ketika menjalankan istiadat melantik Yang Maha Mulia Sultan Ismail menggantikan Seri Paduka Ayahandanya.

¹ *Aide-de-Camp: Military Assistant*

² kesilapan teks, sebetulnya ‘Sultanah’

atasnya serta dimamaikan (dibunuh ubat). Pada 18 Julai 1895, jenazah Almarhum telah dibawa dengan kapal “Bombay” dengan segala kehormatan dan kebesaran dan telah tiba di Pulau Pinang pada 28 Ogos 1895, lalu dipindahkan dalam kapal perang Inggeris “Mercury”. Kapal itu telah sampai di Singapura pada 30 Ogos dan tiba di Johor pada pukul 3.00 petang, lalu disambut jenazah Almarhum dengan sepenuh istiadat.

Dilantik Menjadi Sultan

Menurut adat istiadat Melayu, bahawa ganti raja yang mangkat hendaklah “dilantik dan diseru” pada hari jenazah Almarhum itu hendak dikebumikan. Oleh yang demikian maka istiadat itu pun dijalankan seperti berikut:

Pada pukul 11 pagi Sabtu, 17 Rabi’ al-Awwal 1313 (7 September 1895) istiadat itu dilakukan di Balai Zaharah Johor Bahru kerana melantik Tengku Mahkota Ibrahim ibnu Almarhum al-Sultan Abu Bakar menjadi Sultan menggantikan Seri Paduka Ayahandanya.

Pada pukul 10 pagi penuhlah orang-orang berhimpun dan beratur mengadap kepada peterana diraja yang telah disediakan di tengah-tengah Balai Zaharah itu. Tepat pukul 11, baginda pun berangkat diiringkan oleh Tuan Gabenor Negeri-negeri Selat, lalu memeriksa kawalan kehormatan. Setelah itu baginda terus naik ke atas peterana. Pada saat itu tampilah Yang Amat Berhormat Dato’ Jaafar bin Haji Muhammad Menteri Besar Johor memohon kebenaran istiadat itu dimulakan. Setelah itu ia pun berseru kepada rakyat tentang wajibnya mengadakan ganti Almarhum itu, lalu bertanya:

“Adakah suka bahawa Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota (Ibrahim ibnu al-Sultan Abu Bakar) diangkat dan dilantik menjadi raja kerana menggantikan Seri Paduka ayahandanya?”

Dengan serentak sekalian hadirin menyahut mengatakan: “Suka!”

Setelah itu Dato’ Menteri Besar pun menyempurnakan segala yang berkenaan dengan istiadat itu lalu menyembahkan ucapan bagi melantik Yang Maha Mulia menjadi Sultan Johor dan segala jajahan takluknya. Istiadat itu disudahi dengan doa selamat yang dibacakan oleh Dato’ Mufti dan diikuti dengan tembakan meriam.

Jenazah Almarhum Sultan Abu Bakar telah dimakamkan pada hari itu di Bukit Mahmudiyah Johor Bahru.

Perlembagaan Negeri Johor

Tatkala Almarhum Sultan Ibrahim menggantikan kerajaan ayahandanya, negeri Johor sedia terkenal sebuah kerajaan Melayu yang merdeka dan berdaulat. Oleh kerana pada zaman itu kerajana Inggeris sedang mencengkam negeri-negeri Selat (Singapura, Melaka dan Pulau Pinang), maka dengan bijaksananya ayahanda baginda, Almarhum Sultan Abu Bakar, telah mengikat suatu perjanjian persahabatan dengan kerajaan Inggeris pada 11 Disember 1885.

Kira-kira lima bulan sebelum Almarhum Sultan Ibrahim bersemayam di atas takhta kerajaan, negeri Johor telah sedia mempunyai perlembagaannya (Undang-undang Tubuh Kerajaan) yang telah dibuat dengan titah perintah ayahanda baginda Almarhum Sultan Abu Bakar yang bijaksana dan masyhur itu. Perlembagaan itu, yang bertarikh 14 April 1895

(Sambungannya pada muka 40)

Almarhum Sultan Ibrahim

(sambungan dari muka 26)

(18 Syawal 1312) menjadikan negeri Johor

Darul Takzim, negeri Melayu yang awal pertama mempunyai perlembagaannya di seluruh Tanah Melayu.

Antara lain, perlembagaan itu menghendaki negeri Johor memakai Jemaah Menteri yang tiada lebih daripada 12 orang daripada bangsa Melayu rakyat Johor termasuk sekali Yang di-Pertuanya Dato' Menteri Besar. Ahli-ahli mesyuaratnya pula diangkat oleh raja dengan syor daripada Jemaah Menteri, tidak kurang daripada 16 orang dan tidak lebih daripada 32 orang daripada berbagai-bagai bangsa dari rakyat Johor.

Pentadbir Yang Cepak

Negeri Johor Darul Takzim, yang merdeka dan berdaulat, telah dipimpin oleh Almarhum Sultan Ibrahim dengan jayanya.

Meskipun tatkala baginda dilantik menjadi sultan, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor kosong, tetapi Almarhum dengan bijaksananya sebagai pentadbir yang cekap telah berjaya menjadikan negeri Johor sebuah negeri yang kaya dan makmur serta aman dan damai.

Bangsa-bangsa asing telah dibenarkan membuka kebun-kebun dan lombong-lombong, dan pegawai-pegawai British yang mahir dalam pertadbiran telah dipinjam supaya pertadbiran negeri bertambah rapi seperti yang sedang berjalan di negeri-negeri Selat.

Jalan-jalan raya telah dibuka di merata-rata negeri. Perhubungan telefon dan telegraf, saluran air dan



Masjid Sultan Abu Bakar Johor,

salah sebuah masjid yang indah di Tanah Melayu.

elektrik telah diadakan. Singapura telah dibekalkan dengan air dari kolam air Gunung Pulai dan hulu Pontian.

(Belanja membina kolam itu ditanggung oleh Singapura).

Kerajaan Johor, daripada hasil negerinya yang kaya dan makmur, telah berjaya membina jalan keretapi³ (dimulai pada 11 Julai 1904) dengan memakan belanja \$11,052,000. Selepas Peperangan Dunia yang pertama, Kerajaan Johor dengan kerjasama pihak yang berkuasa negeri-negeri Melayu yang bersekutu dan negeri-negeri Selat, telah membina jalan tambak yang melintangi Selat Tebrau dan menghubungkan Pulau Singapura dengan tanah besar Semenanjung Tanah Melayu. Kerajaan Johor telah membayar bahagiannya kerana jalan tambak Selat Tebrau ini sebanyak \$12,288,970.84 dan juga telah membayar lagi sebanyak \$3,178,945.53 kerana tambak itu dibesarkan dengan kehendak Almarhum Sultan Ibrahim, supaya dapat dilalui oleh orang ramai dan motokar-motokar, selain daripada jalan kereta api.

³ kereta api

“Johor Bagi Orang-orang Melayu Johor”

Dalam buku “Kesyukuran Johor” yang telah disusun oleh Tuan-tuan Haji Ahmad bin Yakub dan Leftenant Kernel Haji Musa bin Yusuf, dan dipersembahkan kepada baginda oleh suatu jawatankuasa sabagai kenangan bagi merayakan Jubli Intan baginda Almarhum, (iaitu buku yang menjadi tempat pengambilan bahan-bahan yang berharga bagi makalah ini), ada disebutkan seperti berikut:

“Semua jabatan kerajaan Johor boleh dikatakan sekalian pegawai dan kakitangannya ialah daripada orang Melayu dan sedikit sahaja daripada bangsa Inggeris yang dipinjam dan digaji oleh kerajaan kerana menjalankan kerja-kerja yang tertentu. Oleh yang demikian terbitlah pada zaman itu lafaz: “Johor Bagi Orang-orang Melayu Johor”. Di kampung-kampung pula telah diangkat penghulu-penghulu dan penolongnya, dan tempat-tempat yang banyak orang-orang Cina bertanam gambir dan lada hitam maka diangkat ketuanya yang bergelar Kangcu dan diberi kuasa seperti polis dan boleh membicarakan perkara yang kecil . . . kerana menetapkan keamanan ditempat tu”.

Demikianlah negeri Johor, telah dibina oleh Almarhum Sultan Ibrahim dengan segala urusan pertadbiran dipegang oleh pegawai-pegawai dan kakitangan daripada orang Melayu sendiri dikecualikan beberapa pegawai Inggeris, sehingga menjadi sebuah negeri yang kaya dan makmur, kemas teratur pertadbirannya dan berdiri di atas kaki sendiri.

Kejayaan yang cemerlang ini bukan sahaja menjadikan Almarhum Sultan Ibrahim berpuas hati, bahkan berasa

bangga. Inilah yang menyebabkan Almarhum dalam majlis perayaan Jubli Intan baginda – berterus-terang menyatakan “risau” dan “tidak suka” melihat negeri Johor yang telah dibinanya itu mengalami nasib yang tidak menguntungkan dengan percantuman dalam “Federation of Malaya”.

Dalam ucapannya yang menggemparkan pada hari itu, baginda telah menegaskan “tidak sukanya” melihat, bukan sahaja kekayaan negeri Johor telah dicurahkan pada bukan tempatnya, bahkan pegawai-pegawainya yang cekap dalam urusan pertadbiran telah diangkut beramai-ramai berkhidmat di luar Johor.

Almarhum juga telah menyatakan “risaunya” melihat negeri Johor bahkan seluruh Tanah Melayu sedang dicengkam oleh bahaya penganas *communist*, malangnya – menurut Almarhum bahawa rakyat tidak memberi kerjasama yang sepenuhnya bagi menghancurkan gerombolan *communist* itu. Mengapa dibiarkan askar-askar orang putih mati bergelimpangan kerana mempertahankan negeri kita? Dan mengapa dalam saat yang demikian gentingnya, setengah orang-orang kita terburu-buru hendak merdeka? Tanya baginda dengan murkanya.

Ucapan baginda yang tersebut bukan sahaja menggemparkan tetapi juga telah menimbulkan kemarahan ahli-ahli siyasah yang sedang meluap-luap jiwanya dengan semangat perjuangan hendak membebaskan tanah air dari cengkaman penjajah.

Walau bagaimanapun, peristiwa ini membayangkan dengan nyatanya akan tabiat semula jadi Almarhum Sultan Ibrahim yang telah dijadikan falsafah hidupnya iaitu: Biar lambat asalkan selamat.

Kegemaran baginda menggunakan kapal laut dalam pelayaran daripada kapal terbang, menggambarkan sifat pembawaan Almarhum itu dengan sejelas-jelasnya.

Pengawal Agama Islam

Agama rasmi negeri Johor ialah agama Islam dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ialah pengawalnya. Demikian tercatat dalam perlembagaan Johor. Segala perkara yang berkenaan dengan agama seperti nikah cerai, pusaka dan seumpamanya adalah mengikut hukum syarak. Perkara-perkara itu dijalankan oleh kadi dan penolongnya, dan segala masalah syariah dirujuk kepada mufti kerajaan.

Baginda telah mengambil berat tentang jabatan agama supaya sentiasa dijalankan dengan sempurna. Jabatan ini dari semasa ke semasa bertambah luas kawasan tadbirnya dan bertambah-tambah maju hingga pada masa yang akhir ini (1955), jabatan agama telah membelanjakan daripada peruntukan kerajaan kerana pertadbirannya lebih daripada satu juta ringgit kerana membayar gaji pegawai, mufti, kadi-kadi, imam dan guru-guru sekolah agama iaitu lain daripada wang zakat fitrah dan zakat-zakat yang lain, dan juga lain daripada wang baitulmal yang dibelanjakan kepada pihak yang berhak menerima bantuannya berpuluh-puluh ribu ringgit setahun.

Kerajaan baginda Almarhum juga memberi tumbang pergi balik kepada pegawai-pegawainya yang hendak mengerjakan haji di Makkah al-Mukarramah "apabila pegawai-pegawai itu telah sampai masa yang dihadkan dengan kadar yang tertentu". Dalam tiap-tiap bandar dalam negeri Johor telah didirikan masjid yang besar dan indah. Cukup lengkap dengan segala alat perkakas dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang

mengelolakan. Baginda juga tidak putus-putusnya mengurniakan khairatnya kepada masjid-masjid yang didirikan oleh rakyat dikampung masing-masing.

Pelajaran Dan Pendidikan

Pelajaran anak-anak negeri sangat-sangat diambil berat oleh baginda Almarhum. Baginda telah bertitah sebagaimana yang tersebut dalam suatu siaran kerajaan bertarikh 1 Jun 1902 dan telah diperundang-undangkan, seperti berikut:

1. Hendaklah sekalian rakyat dan tiap-tiap orang yang ada duduk di dalam perintah Johor ini daripada sebarang bangsa pun, menghantarkan sekalian anak-anak laki-lakian yang telah cukup umurnya 7 tahun, masuk belajar ke dalam sekolah kerajaan pada tiap-tiap hari yang lain daripada hari kelepasan, di mana-mana ada sekolah Melayu, Qur' ān, Inggeris dan Cina.
2. Masa dan umurnya: Dari 7 hingga 16 tahun, selagi belum mendapat kesempurnaan wajiblah tetap dan kekal belajar mereka itu dalam sekolah yang tersebut.

(Dalam bahagian 3 dan 4 diterangkan bahawa ibu bapa atau waris kanak-kanak yang tiada menurut perintah akan disaman dan didenda \$25 atau dijel 3 bulan serta dikuatkan (dipaksa) kanak-kanak itu masuk sekolah).

Siaran kerajaan yang tersebut ditandatangani oleh Dato' Ibrahim bin Abdullah Munsyi, Dato' Bentara Dalam.

Dasar ini telah dijalankan oleh baginda Almarhum terhadap putera-putera baginda. Puteranya yang tua (Tengku Mahkota)

tatkala berusia 6 tahun telah dihantarkan ke sekolah Melayu Johor Bahru. Apabila kedua putranya lagi, Tengku Abu Bakar dan Tengku Ahmad masuk usianya 6 tahun maka ketiga-tiganya itu pun dihantar ke England kerana belajar dengan diiringkan oleh 5 orang anak pegawai-pegawai Johor. Mereka yang masih kecil itu telah diceraikan dengan ibu bapa masing-masing – pada hal orang Melayu pada zaman itu belum biasa lagi “melepaskan anak-anak mereka belajar jauh-jauh”.

Memandang pentingnya bahasa Inggeris, maka dengan kehendak baginda Almarhum telah diadakan sebuah kolej kerana meninggikan pelajaran sekolah Inggeris.

Dalam lapangan pelajaran agama Islam, selain daripada membuka dengan banyaknya sekolah-sekolah agama maka banyak pula pelajar-pelajar telah dihantar menuntut di Universiti al-Azhar, Mesir.

Perkembangan Bahasa Melayu

Sejarah telah mencatat kejayaan-kejayaan yang cemerlang yang telah dihasilkan oleh ahli-ahli bahasa dan pujangga Melayu Johor.

Negeri Johorlah yang telah melahirkan Tun Seri Lanang dan kitab sejarah Melayu yang menjadi mustika Persuratan Melayu. Zariat Abdullah Munsyi, pujangga Melayu yang masyhur, telah kembang biak di Johor dan telah meninggalkan khidmat yang berharga dalam lapangan bahasa dan sejarah. Diantaranya ialah Dato' Ibrahim bin Abdullah Munsyi (Dato' Bentara Dalam) pengarang kitab Sejarah Johor.

Demikian pula bahasa Melayu Riau – Johor: Yang terkenal fasih dan kemas, dan lughah Riau – Johor: Yang

menggambarkan keaslian lidah Melayu, adalah menjadi tapak dan asas tempat berdirinya bahasa Melayu yang sedang berkembang dengan derasnya pada hari ini.

Keistimewaan Johor dalam lapangan bahasa inilah yang menjadikan baginda Almarhum menggalakkan dan menaungi badan bahasa Melayu yang terkenal dengan nama “P.B.M. P. B. Diraja” (Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku-buku Diraja) yang telah berjalan semenjak 50 tahun yang lalu.

Badan Bahasa ini telah didirikan oleh Dato' Abdul Rahman bin Andak Seri Amar Diraja, dan kemudiannya dipimpin oleh Dato' Haji Muhammad Said bin Haji Sulaiman ahli bahasa Melayu yang terkenal. Banyak buku-buku termasuk sebuah kamus Melayu yang besar telah dikeluarkan oleh badan ini.

Mengenai bahasa Melayu, baginda Almarhum pernah bertitah kepada Yang di-Pertua Jabatan Agama Johor, seperti berikut:

“Mesti buat Qur’ ān ada Melayunya, supaya senang semua orang membaca, tahu butir-butir satu-satu dengan terang”.

Tatkala baginda berangkat balik dari pelayaran baginda yang keempat belas ke Eropah, dalam tahun 1941, kapal baginda telah melalui “Tanjung Harapan” (Afrika Selatan). Sesampainya di sana bersama-sama dengan Sultanah Marcella, baginda telah dipersilakan naik ke bandar Cape oleh Dato' Bandar dan diraikan dengan suatu majlis jamuan teh dengan dihadiri oleh berbagai-bagai bangsa termasuk orang Melayu Cape. Mengenai peristiwa ini, baginda Almarhum telah mencatat di dalam buku peringatannya (dengan bahasa percakapan), seperti yang diturunkan di bawah ini:

“Saya petang itu dijemput oleh Mayor Cape Town minum teh. Banyak orang-orang di situ. Orang di sana orang “Buar” (berasal dari bangsa Holland dan Portugis), dan macam-macam bangsa anak Afrika. Kemudian betina muda-muda dan tua, yang jantan juga datang kepada saya bercakap bermacam-macam hal. Habis saya tanya: Sama siapa saya bercakap ini dan siapa dia semua? Jawab seorang betina (daripada mereka itu): Dia semua ini orang Melayu. Kata saya: Jika Melayu senang saya bercakap Melayu. Jawabnya: Tiada boleh bercakap Melayu sudah beratus-ratus tahun. Kata saya: Apa sebab? Lama-lama dahulu Melayu datang dari Tanah Melayu berniaga ke sana (ke Cape), kemudian tinggal tetap di Afrika Selatan. Di belakang, banyak jantan pergi haji (ke Makkah), dia semua sembahyang, mengaji Qur’ ān dan dihantar banyak anak-anak duduk di Makkah bertahun-tahun hingga alim, balik (ke Cape) bercampur semula bagaimana asal, lalu semua mengaji Qur’ ān, sembahyang, terutama belajar hukum-hukum Islam. Tetapi cuma pandai membaca dan ada yang hafaz Qur’ ān dengan tidak mengerti makna. Habis, semua orang berfikir mesti bermuafakat, semua orang Melayu kumpul duit dapat guru tiga empat orang Arab dari Makkah dan Mesir, sampai belajar Arab semua tahu betul-betul. Belakang berfikir masing-masing itu baharu mengerti tiap-tiap satu kata Qur’ ān. Dari sebab itu diberhentikan bahasa Melayu dan tulis-menulis Melayu, semuanya Arab, sekadarkan pakai di rumah lebih kurang berkain baju cara Melayu, keluar rumah pakaian orang putih”.

Demikian catitan baginda Almarhum tentang hal ehwal orang-orang Melayu Cape yang telah mencuaikan bahasa mereka – bahasa Melayu, dan yang hanya tinggal nama dan baka itu.

Perwira Yang Gagah Berani

Kegagahan baginda Almarhum Sultan Ibrahim yang luar biasa, sebenarnya ialah hasil latihan dan pengalaman yang telah ditempuhnya sebagai seorang ahli riadah yang

kuat sasa, seorang askar yang gagah perkasa dan seorang pemburu yang cekap dan berani.

Semenjak baginda mesih muda belia telah dilatih dalam lapangan ketenteraan – dalam pasukan “Timbalan Setia Negeri Johor” yang menjadi lambang keperwiraan Melayu. Semangat keperwiraan inilah yang menjadikan baginda mengambil berat memajukan pasukan ini. Pada tahun 1905 baginda telah menubuhkan pula pasukan *volunteer* dengan dipimpin oleh Almarhum sendiri sebagai *Colonel Commandant*. Kedua-dua pasukan ini telah memberi khidmat yang cemerlang dalam Peperangan Dunia yang lalu, terutama menolong menindas gerakan menderhaka yang telah dilakukan oleh askar India yang berkawal di Singapura dalam tahun 1916.

Dalam tahun 1941 baginda telah diserahkan memimpin tentera Johor dengan pangkat Mejar Jeneral dan juga menyandang pangkat Mejar Jeneral kehormat dalam tentera British.

Pemburu Yang Menggerunkan Binatang Buas

Negeri Johor masyhur sebuah negeri Melayu yang banyak harimau, hingga “jata” (lambang) kerajaan Johor dirupakan dengan dua ekor harimau berdiri di kiri kanan sebuah perisai menjaga mahkota Johor.

Dalam tahun 1887 harimau telah mengganas dan membinasakan hidupan-hidupan dan manusia di sekeliling Johor Bahru. Semenjak itu Almarhum Sultan Ibrahim telah tampil memburu harimau sehingga tahun 1927 jumlah harimau yang telah ditembak oleh baginda ialah 35 ekor. Beberapa kali baginda pernah diserang oleh harimau yang telah

luka. Tetapi baginda dengan beraninya dapat menangkisnya dan melepaskan tembakan yang membunuh mangsanya.

Sepanjang masa itu baginda juga telah berjaya memburu gajah dan sehingga tahun 1925 baginda telah menembak mati 18 ekor. Selain daripada itu baginda Almarhum telah berjaya menembak mati seladang, beruang, tenak dan akhirnya seekor badak. Beberapa kali baginda nyaris-nyaris nahas ketika berhadapan dengan binatang-binatang yang buas itu tetapi Tuhan Yang Maha Kuasa telah selisihkan dengan limpah kurnia-Nya.

Kegagahan dan keberanian Almarhum Sultan Ibrahim telah masyhur diperkatakan orang. Kononnya baginda “pernah menumbuk seekor seladang hingga pengsan dengan sekali tumbuk sahaja”. Cerita ini telah disangkal oleh Tuan Bradil kerana tidak masuk pada akal”.

Cerita seladang itu memanglah karut, tetapi ada suatu cerita yang menggambarkan setakat mana handalnya “tumbuk sulung” baginda yang bukan sahaja menyebabkan mangsanya pengsan tetapi tergolek mati di situ juga. Khabarnya baginda pernah menumbuk seekor kuda pada dahinya dan dengan sekali tumbuk kuda itu telah tumbang lalu mati di situ juga.

Kisah ini bukan sahaja masyhur dalam negeri Johor tetapi juga di luar Johor. Penulis pernah mendengarnya pada 30 tahun yang lalu ketika menduduki bangku sekolah – sekolah Melayu, di Melaka.

Kisah kuda ini rasanya lebih munasabah dan masuk pada akal, jika difikirkan dengan teliti bahawa kejadian itu berlaku ketika baginda masih muda dan kuat sasa, tempat jatuh penumbuknya ialah pada dahi

kuda, bertambah pula kuda itu sedang jerih setelah kalah dalam satu perlumbaan.

Tidakkah Almarhum Sultan Johor seorang raja Melayu yang banyak menyimpan kuda lumba? Kuda lumba baginda pernah memenangi “Piala Emas” di India dan di Australia ketika baginda melawat kedua-dua buah negeri itu.

Mengelilingi Dunia Dari Masyriq ke Maghrib

Satu perkara yang sangat digemari oleh baginda Almarhum Sultan Ibrahim ialah berangkat melawat negeri-negeri Timur dan Barat.

Kira-kira 15 kali baginda telah melawat ke England dan beberapa kali ke negeri-negeri Eropah. Pada masa-masa yang akhir, lawatan itu ialah mengenai kesihatan baginda.

Pada 24 March 1934 baginda bersama-sama Sulatanah dengan diiringkan oleh setiausaha sulitnya, Kapten Syeikh Abdullah bin Yahya, telah berlepas dari negeri Johor dalam pelayarannya mengelilingi dunia. Baginda telah singgah di Hong Kong kemudian ke Shanghai lalu ke negeri Jepun dengan mendapat sambutan istimewa. Dari Jepun ke pulau-pulau Hawaii. Penduduk di bandar Honolulu – lelaki dan perempuan – telah menyambut raja Melayu yang masyhur itu dengan menyampaikan kalungan-kalungan bunga yang semerbak harum menurut adat mereka. Dari sana berangkat ke San Francisco kemudian ke Chicago dan terus ke Washington. Di sini baginda telah disambut dan diraikan oleh Presiden Roosevelt dengan sepenuh-penuh kehormatan. Setelah itu baginda berangkat ke New York dan dari sana baginda berangkat ke England kerana menghadiri perkahwinan

Duke of Kent. Dalam masa kembalinya ke Tanah Melayu baginda telah menjelajah negeri-negeri Eropah lalu kembali melalui Terusan Suez dan selamat sampai di Johor pada 22 Januari 1935. “Dengan pelayaran ini bolehlah dikatakan baginda telah bertemu gelang mengelilingi dunia ini”.

Hasil dari pelayaran-pelayaran baginda keluar negeri ini bukan sahaja berkenal-kenal dan bersahabat dengan raja-raja dan orang-orang besar dunia yang kebilangannya tetapi mengenalkan alam Melayu kepada dunia dan kerananya banyak raja-raja dan orang-orang yang kenamaan dari seluruh dunia telah melawat Johor dari satu ke satu masa. Bintang-bintang kebesaran yang telah dianugerahkan oleh negara-negara dunia kepada Almarhum tidak terhitung.

Dalam salah satu pelayarannya ke England baginda telah berkahwin dengan seorang bangsawan Inggeris (pada tahun 1930) yang kemudiannya bergelar Sultanah Hellen Ibrahim, (mereka telah bercerai menurut syaria Islam pada tahun 1937). Tiga tahun kemudian daripada itu (6 November 1940) baginda telah berkahwin dengan Miss Marcella Mendel, di England, iaitu Sultanah yang ada sekarang ini. Miss Marcella ialah seorang bangsawan Romania “yang berpelajaran dan boleh bertutur tujuh atau delapan bahasa Eropah”.

Kemuncak Kebesarannya

Sejarah pemerintahannya di sepanjang-panjang zaman yang keemasan itu telah memuncak tinggi ke mercu kebesaran yang gilang-gemilang apakala Almarhum Sulatan Ibrahim yang berusia 82 tahun, dengan limpah *rahmat rahīm* Allah Rabb al-‘Ālamīn, telah merayakan hari ulang tahun yang keenam puluh memerintah

di atas takhta kerajaan Johor dengan adil dan bijaksana, dan selamat sempurna. Hari itu, 7 September 1955 – hari perayaan Jubli Intan telah dirayakan oleh segenap lapisan rakyat dengan meriahnya.

Mudah-mudahan Allah ‘azza wa jalla cucuri rahmat, dibalas dengan sebaik-baik balasan dan dihimpunkan ruh baginda Almarhum di dalam syurga *Jannah al-Na‘īm* serta diilhamkan sabar kepada kerabat Diraja dan rakyat Johor.

Dan Allah selamatkan Yang Maha Mulia Sultan Ismail ibn al-Sultan Ibrahim, Sultan Yang di-Pertuan Negeri Johor dan jajahan takluknya, memerintah dengan aman sentosa dan limpah makmur.

BUKU-BUKU RUMI

*Pendidikan	\$1.20
*Akhlik	1.20
*Surat Menyurat	1.50
*Jalan ka-Kota Baharu	1.50
Penglipor	1.50
Panduan Pekedai-pekedai Kechil	0.70
Balek Dari Medan Perjuangan	1.00
Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang	2.00
Keris Sempena Riau	1.00
Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50
Sisa Neraka Dunia	1.00
Buku A.B.C (buku bacaan) di-dalamnya tiga warna (sedang di-chitak)	
*Kalau memesan hendak-lah sebutkan naskhah Rumi. Kerana buku ini ada naskhah Jawi-nya.	